



(khas bagi Majalah Qalam - tidak dibenarkan dikutip)

Tidak Mahu Mengeluarkan Zakat

Hassan 'Abd al-Karim Serenggon Singapura bertanya: apa hukumnya seseorang Islam yang enggan mengeluarkan zakat hartanya.

Jawab: Zakat itu adalah suatu rukun Islam yang sangat-sangat besar ertinya kerana kebajikan dan ketenteraman masyarakat. Orang Islam yang mampu dan besar kewajipan mengeluarkan zakat tetapi enggan mengeluarkannya apabila sampai nasabnya atau mengeluarkannya dengan tidak sempurna maka orang itu sangat besar dosanya kepada Allah dan kepada masyarakatnya. Kerana ia telah menelan hak fakir miskin dan lain-lain puak yang berhak menerimanya.

Orang yang demikian sifatnya tidak akan menemui selamat di dunia dan tidak akan merasa ketenteraman hidup. Manakala di akhirat pula akan menerima seksa yang pedih sebagaimana yang dijanjikan oleh Allah di dalam al-Quran al-Karim:

“Walladhīna yaknizūna al-dhahaba wa al-fiddata wa la yunfiqūnahā fi sabīli Allāhi fabashshirhum bi’adhābin alīm. Yawma yuḥmā ‘alayha fī nāri jahannama fatukwā bihā jibāhuhum wajunūbuhum waḥūhūrum hazdhā”
33, 34 al-Tawbah.

Ertinya: Mereka yang menyimpan emas dan perak dan tidak membelanjakannya (mengeluarkan zakatnya) pada jalan Allah, maka khabarkan kepada mereka itu (bahawa mereka) akan dikenakan azab yang pedih. Iaitu pada hari harta itu dipanaskan di neraka jahannam lalu diselarkan dahi mereka, rusuk-rusuk mereka dan sebelah belakang mereka (sambil Malaikat Zabaniyyah berkata kepada mereka): “Inilah balasan apa yang kamu simpan bagi diri kamu. Maka

Peringatan:

Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tanda tangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai di sekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah bergunajuga untuk panduan pembaca-pembaca.

rasakanlah apa yang kamu simpan itu.”

Rasulullah (S.A.W) telah menerangkan perkara ini sabdanya:

Ma min saib kanzun la yuaddī zakātahu illa iḥmā ‘alaihi fī nāri jahannam fayaj’al ṣuffah fatukwā bihā junubāhu wa jabhatahu hatta yahkumu Allāh baina ‘ibadīh.

Ertinya: “Tiap-tiap orang yang menyimpan harta dengan tidak mengeluarkan zakatnya, tak ada apa tiada akan dibakar harta itu di neraka jahannam lalu dijadikan berkeping-keping. Terus diselarkan dua rusuknya dan dahinya hingga (hari yang) Allah menghukumnya di antara hamba-hamba-Nya.” – Hadis sahih riwayat Muslim.

Dalam suatu hadis yang lain Rasulullah (S.A.W) bersabda:

“Man atāhu Allāh māla fa lam yu’addi zakātuhu mathalu lahū yawm al-qiyāmah shjā’an aqra’a lahū zabibatān yaṭuquhū yawm al-qiyāmah thumma ya’khudhu bi lahzamatayn wa shadqīhi thumma yaqūlu ana kanzuka.”

Ertinya: “Sesiapa yang telah diberi oleh Allah harta benda tetapi ia tidak mengeluarkan zakatnya, maka pada hari kiamat (harta itu) dijadikan ular yang bisa. Lalu membelit lehernya kemudian menggigitnya sambil berkata: Akulah harta yang engkau simpan (di dunia).”

Demikianlah balasan buruk yang akan diterimanya.

Sebenarnya kalau orang-orang Islam – terutama kaum hartawannya – bermurah hati mengeluarkan zakat yang diwajibkan itu dengan sempurna nescaya bukan sahaja dapat menyelamatkan kaum miskin yang menderita bahkan akan dapat mendirikan sekolah-sekolah, hospital-hospital, rumah-rumah miskin dan lain-lain badan kebajikan yang memberi khidmatnya kepada segala bangsa, kerana dasar Islam

ialah kemanusiaan!

Gerhana Matahari dan Bulan

Qāsim bin Abū, Jasin Melaka, bertanya:

Bagaimana keterangan al-Quran berkenaan gerhana matahari dan bulan, adakah bersalahan dengan apa yang dikatakan oleh ahli falak zaman sekarang?

Jawab: Tuhan Azza wa Jalla di dalam al-Quran al-Karim telah menerangkan dengan tegasnya bahawa matahari, bulan, bumi dan lain-lainnya semuanya beredar. Apa yang telah diterangkan oleh al-Quran adalah diakui kebenarannya oleh ahli-ahli falak – Timur dan Barat – zaman sekarang.

Di dalam surah “Yasin” ayat 38, Tuhan menerangkan peredaran matahari, firman-Nya:

“*Wa al-shamsu tajrī limustaqarrillaha*”.

Ertinya: “Matahari itu beredar hingga kepada tempat tetapnya.” Yakni kepada “buruj” nya (tempat-tempat perhentian) menurut musim-musimnya yang tetap.

Berkenaan bulan pula, Tuhan Azza wa Jalla berfirman:

“*Wa al-Qamar qad daranāw manāzil*” 39, Yasin.

Ertinya: “Bulan itu, kami tetapkan peredarannya menurut tempat-tempat perhentian (burujnya) yang tertentu.”

Dalam suatu ayat lain pula Tuhan menerangkan:

“*Al-shams wa al-qamar bihusbān*”. 5, al-Rahman.

Ertinya: “Matahari dan bulan itu, beredar dengan hitungan”.

Dalam suatu ayat yang lain pula, Tuhan menerangkan:

“*Wa kullu fi falakin yasbahūn*”. 41, Yasin.

Ertinya: “Tiap-tiap sesuatu itu adalah beredar melayang (di udara) menurut falaknya – tempat peredarannya.”

Keempat-empat ayat tersebut adalah dengan jelasnya menerangkan bahawa tiap-tiap sesuatu benda yang di udara, seperti matahari, bulan, bumi dan lain-lain bintang itu, adalah masing-masing terus beredar menurut tempat-tempat peredarannya yang ditetapkan oleh Allah Azza wa Jalla.

Di dalam surah al-Zumar, ayat 5, ada diterangkan berkenaan pertukaran siang dan malam, firman-Nya:

“*Khalaqa al-samāwāti wa al-arḍa bi al-haqqi yukawwiru al-layla ‘ala al-nahāri wa yukawwiru al-nahāra ‘ala al-layli wa sakhkhara al-shamsa wa al-qamar kullun yajrī li ajalīn musamman ala innahu huwa al-‘azizu al-ghaffar*.”

Ertinya: “Ia (Allah Azza wa Jalla) menjadikan langit dan bumi dengan sebenar-benarnya, menggulungkan malam kepada siang dan menggulungkan siang kepada malam (bertukar ganti) dan memudahkan matahari dan bulan (bagi kamu) masing-masingnya itu beredar hingga kepada ajal (had waktu) yang ditentukan. Ketahuilah! Allah Maha Gagah dan Maha Pengampun.”

Ayat yang mulia ini menjelaskan bahawa kejadian siang bagi sebahagian daripada bumi ini ialah disebabkan bumi bergulung (melengkung) di hadapan matahari. Manakala kejadian malam bagi sebahagian bumi ini ialah disebabkan bahagian itu tidak menghadap matahari. Ayat ini sendiri menunjukkan dengan terang bahawa bumi ini bulat, kerana gulungan atau lingkungannya dan peredaran siang dan malam seperti yang tersebut dalam ayat itu tidak boleh berlaku kalau bumi ini rata.

Di dalam suatu ayat yang lain (15 Yunus) Tuhan Azza wa Jalla menerangkan:

“*Huwa al-ladhī ja‘ala al-shams diyā‘i ma al-qamar nūra qaddamāhu manazil litalamū ‘iddah al-sanīn wa al-ḥisāb*”

Ertinya: “Ialah (Allah Azza wa Jalla) yang menjadikan matahari itu terang dan bulan itu bercahaya, dan ia telah menentukan beberapa tempat peredarannya, supaya kamu mengetahui bilangan tahun dan perhitungan.”

Daripada ayat-ayat yang telah lalu mengetahuilah kita bahawa bumi kita ini bulat dan kerana bulatnya itu terjadilah siang dan malam kerana apabila sebahagian daripadanya bertentang dengan matahari maka bahagiannya yang lainan terlindung.

Oleh itu maka terjadinya gerhana matahari ialah apabila peredaran bulan kebetulan jatuh di tengah-tengah di antara